

Mahathir puji cadangan KM Sarawak

UM. 28 MARI 1971.

KUCHING 27 Mac — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamed mensifatkan cadangan untuk mencantumkan ketiga-tiga buah parti politik utama di Sarawak sebagai satu langkah "yang paling baik".

"Sebarang langkah yang dapat merapatkan lagi hubungan kita adalah amat baik dan rakyat akhirnya akan mendapatinya sebagai satu tindakan yang mendatangkan kebaikan kepada mereka dan negara," kata beliau kepada para pemberita di sini petang semalam.

Dr. Mahathir memberitahu demikian ketika ditanya mengenai syor Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub tentang perkara itu.

Datuk Patinggi Rahman telah menyarankan supaya partinya, Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (PBB), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) yang merupakan parti-parti komponen dalam kerajaan campuran Barisan Nasional Negeri digabungkan dalam satu pertubuhan yang tunggal.

Datuk Patinggi Rahman yang turut hadir di pertemuan itu berkata "kita terpaksa memberi masa yang cukup kepada parti-parti berkenaan mengkaji syor tersebut dan kita tidak mahu mereka terburu-buru membuat keputusan mengenainya."

Ditanya mengenai ura-ura kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk membentuk sebuah parti politik, Dr. Mahathir berkata: "Sudah tentu mereka boleh berbuat demikian tetapi mereka juga harus sedar bahawa issue untuk meninggikan pendapatan seseorang itu bukan selalunya satu issue negara."

Beliau berpendapat adalah satu anggapan yang meleset jika mereka menyangka bahawa rakyat akan sentiasa menyokong sebuah parti buruh.

Langkah cantumkan 3 buah parti politik utama

Katanya, satu lagi fakta yang patut dipertimbangkan oleh MTUC ialah kebanyakan dari ahli-ahlinya terdiri dari ahli-ahli UMNO dan PAS yang mungkin tidak sanggup meninggalkan kedua buah parti itu untuk menyertai parti politik baru yang dicadangkan oleh MTUC.

Dr. Mahathir, yang juga Menteri Pelajaran berkata bahawa beliau kesal adanya setengah-setengah golongan yang menjadikan hasrat kerajaan untuk mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah sebagai satu issue politik.

Dr. Mahathir telah melakukan jawatan singkat sehari ke Negeri Sarawak semalam untuk merasmikan perhimpunan agung Parti Pesaka Bumiputra Bersatu yang telah dilangsungkan di Dewan Pembangunan Tun Abdul Razak.

Perasmian itu turut dihadiri oleh para wakil daripada parti-parti komponen Barisan Nasional, termasuk Datuk Haji Mohd. Asri bagi pihak PAS, Encik Richard Ho bagi MCA, Encik S. Subramaniam bagi pihak MIC, Encik Paul Leong bagi pihak Parti Gerakan serta wakil-wakil dari USNO dan Berjaya daripada Sabah.

Timbalan Perdana Menteri di sebelah petangnya telah mengadakan pertemuan tertutup dengan ahli-ahli Lembaga Sekolah-Sekolah Mubaligh (Missionary Schools) Negeri Sarawak untuk menghapuskan sebarang salah faham mengenai beberapa perkara berkaitan dengan pentadbiran sekolah-sekolah itu.